

RAJA TETAP KEBAL ATAS SIFAT RASMI

① Oleh Lichong Angkui, Kamal Ahmad dan Izman Ismail

B.M. 10 JAN 1993

KUALA LUMPUR: Raja-raja, termasuk Yang di-Pertuan Agong tetap kebal ketika menjalankan tugas rasmi kerajaan dan sebarang tindakan undang-undang hanya dapat diambil di atas sifat peribadi mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kekebalan raja-raja di segi undang-undang yang dicadang untuk dimansuhkan dalam draf pindaan Perlembagaan, hanya membabitkan kesalahan peribadi dan bukan atas kedudukan rasmi.

"Kita sudah putuskan, raja akan terus kebal dalam menjalankan tugas

Dr M perjelas pindaan kuasa ampun

DARI MUKA 1

rasmi sebagai raja. Tetapi dalam soal peribadi, kalau mereka melakukan sesuatu menyalahi undang-undang, mereka tidak kebal," katanya.

Ini bermakna jika seseorang raja (sebagai individu) yang menyalahi undang-undang, tindakan undang-undang boleh diambil.

Menurutnya, setiap raja yang menjalankan tugas rasmi seperti meluluskan sesuatu undang-undang atau apa-apa bagi pihak kerajaan, maka raja terbabit tetap kebal.

"Tetapi kalau raja memukul orang atau membuat sesuatu jenayah atau tidak membayar hutang atau apa-apa kesalahan lain, maka mereka boleh didakwa di mahkamah," katanya.

Beliau berkata pindaan itu dibuat bertujuan melindungi rakyat daripada penyalahgunaan kekebalan yang ada sekarang ini.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno selama tiga setengah jam di sini semalam.

Mengenai hasutan, beliau berkata cadangan draf pindaan itu memansuhkan peruntukan yang melarang ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada menyatakan sesuatu yang mungkin ditafsir sebagai memburukkan imej raja.

Katanya, dengan pindaan itu, Ahli Parlimen dan Adun boleh membahaskan perkara bersangkutan raja dan menyatakan sesuatu yang mungkin ditakrif sebagai memburukkan imej raja.

Beliau menjelaskan tindakan itu diambil bagi menyelamatkan raja-raja dengan membuat teguran melalui Dewan Rakyat.

Menurutnya, sebarang perbahasan di Dewan Rakyat boleh dicetak oleh media, dengan kelulusan Parlimen.

Bagi menjamin institusi Raja Berperlembagaan terus kekal, pindaan

itu memperuntukkan bahawa sebarang cadangan, usul dan syor untuk menghapuskan raja atau sistem beraja di Malaysia ini disifatkan sebagai menghasut.

"Ini termasuk dalam takrif hasutan. Kita tidak boleh mengemukakan usul untuk memansuhkan sistem Raja Berperlembagaan. Ia dianggap sebagai hasutan dan tindakan boleh diambil mengikut Akta Hasutan," katanya.

Mengenai kuasa mengampun pula, Dr Mahathir berkata draf pindaan itu mencadangkan mana-mana raja yang terbabit dalam kes yang dirujuk untuk pengampunan tidak boleh mempengerusikan Jawatankuasa Pengampunan.

Katanya, kuasa itu dipindahkan kepada Majlis Raja-Raja. Kalau keluarganya terbabit, maka kuasa itu dipindah kepada mana-mana raja lain yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja.

Beliau berkata bagi kes yang membabitkan Yang Dipertua Negeri, yang juga menjadi pengerusi Jawatankuasa Pengampunan, kuasa itu dipindah kepada Ketua Menteri.

"Kalau keluarga dan anak mereka terbabit, maka Ketua Menteri akan menasihatkan Yang Dipertua Negeri," katanya.

Dr Mahathir berkata draf pindaan Perlembagaan itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 18 Januari ini, dua hari selepas mesyuarat rasmi Majlis Raja-Raja.

LIHAT MUKA 2